

26 MAR 1997

Herzog

PRESIDEN JERMAN AKAN MENINJAU ISLAM DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Jerman begitu tertarik dengan peranan Malaysia dalam dunia Islam dan lawatan Presiden Republik Jerman Prof Dr Roman Herzog Selasa depan merupakan satu penghormatan kepada Malaysia, kata Duta Jerman ke Malaysia, Harald N. Nestroy.

"Kita menganggap Malaysia sebagai negara Islam yang penting dan lawatan presiden itu merupakan pengiktirafan peranan Malaysia dalam dunia Islam," kata beliau dalam persidangan berita mengenai lawatan Herzog di Goethe Institute di sini.

Presiden Herzog dan isteri Christiane Herzog, akan tiba di sini pada Selasa depan bagi lawatan rasmi lima hari untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Republik Jerman. Mereka akan diiringi oleh 100 pegawai dan 26 wartawan.

Nestroy berkata, semasa berada di sini Presiden itu akan meninjau nilai-nilai Islam yang boleh digunakan di Jerman memandangkan minat beliau terhadap konsep toleransi di Malaysia yang boleh digunakan di negaranya yang mana terdapat lebih dua juta rakyat Turki.

"Kita sentiasa mengagumi Malaysia yang mengamalkan sikap toleransi berdasarkan kepada nilai-nilai Islam yang mana rakyatnya yang berbilang kaum dengan agama yang berbeza boleh hidup bersama dalam keadaan aman damai," kata beliau.

"Kita sedar Islam di pandang rendah oleh dunia barat akibat kegiatan pelampau, tetapi Malaysia telah menunjukkan sesuatu yang telah membuka mata kita," kata beliau lagi.

Beliau berkata, adalah menjadi harapan Jerman yang "toleransi di Malaysia" akan diamalkan oleh negara-negara Islam yang lain supaya penduduk daripada ethnik dan agama berbeza boleh hidup bersama tanpa takut dan syak wasangka.

Presiden Herzog akan dibawa melawat masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam dan menghadiri dialog antara budaya di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada hari ketiga lawatannya.

Presiden dan rombongannya akan diberikan sambutan rasmi di Medan Parlimen selepas sahaja ketibaan pada tengah hari Selasa.

Beliau kemudian akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah sebelum menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan baginya.

Pada hari berikutnya, presiden itu akan menyaksikan sesi latihan khas bagi pasukan bola sepak kebangsaan remaja yang dikendalikan oleh legenda bola sepak Jerman, Franz Beckenbauer yang kini merupakan presiden kelab bola sepak Bayern Munich, di Kompleks Sukan Pusat Latihan Polis di Jalan Semarak.

Presiden Herzog juga akan bertemu dengan pegawai-pegawai tinggi Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Presiden itu kemudiannya akan melawat Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (Porim) di Bangi, Menara Kuala Lumpur yang dibina menggunakan kepakaran Jerman dan akan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada Jumaat, beliau dan rombongan akan membuat lawatan sehari ke Sarawak yang mana beliau akan menghadiri majlis makan yang dihadiri oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Zaidi Adruce.

Beliau akan berlepas ke Jepun pada hari berikutnya.

Kali terakhir presiden Jerman membuat lawatan ke Malaysia ialah

Presiden Rikard von Weisacker iaitu 12 tahun lepas. -- BERNAMA
ZAB RM PR